

05 DEC 2000

Parlimen-Perbekalan (Gulung/Usahawan)

KONTRAK KERAJAAN DIBERI IKUT KEMAMPUAN, BUKAN POLITIK

KUALA LUMPUR, 5 Dis (Bernama) -- Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mohamed Nazri Abdul Aziz berkata kontrak kerajaan diberi secara adil dengan melihat kemampuan kontraktor Bumiputera dan tidak kepada penyokong kerajaan atau Barisan Nasional (BN) semata-mata.

Kontrak itu turut diberi kepada para kontraktor kelas F yang memang diketahui ramai di antara mereka yang bersimpati dengan pembangkang, katanya pada persidangan Dewan Rakyat hari ini.

"Tuduhan pemberian kontrak berdasar kepada asas politik adalah tidak benar kerana proses dan keputusan itu bermula dari bawah lagi iaitu pada Jabatan Kerja Raya.

"Cuma kita (menteri) pada peringkat jawatankuasa tender boleh menolak sahaja," katanya semasa menggulung perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2001 peringkat jawatankuasa melibatkan kementerian itu.

Beliau mengibaratkan dirinya melakukakn "political suicide" jika benar pernah menyatakan kepada akhbar bahawa beliau akan mengutamakan penyokong kerajaan dalam pemberian pinjaman MARA serta kontrak kerajaan.

Nazri berkata demikian selepas Abdul Rahman Yusof (Keadilan-Kemaman) menyatakan bahawa tindakan kerajaan yang menyenarai hitam kontraktor Bumiputera yang menyokong pembangkang telah merugikan mereka.

Beliau juga memberitahu persidangan bahawa bantuan MARA untuk golongan Bumiputera hanya boleh dihentikan jika Akta MARA itu sendiri dipinda.

"MARA akan tetap mengutamakan Bumiputera terutama daripada segi pendidikan, dan ia berbeza dengan konsep Sekolah Wawasan yang mementingkan integrasi kaum," katanya.

Nazri mengakui bahawa pemberian kontrak MARA kepada golongan Bumiputera merupakan antara sebab mereka terlalu bergantung kepada kerajaan sehingga ditegur oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Tujuan kita adalah untuk melatih mereka sehingga berjaya bersaing dan mendapat kontrak dari luar. Tetapi nampaknya, tahun demi tahun mereka tetap bergantung pada kerajaan," katanya lagi.

Nazri juga berkata kenaikan dalam tambang bas di sekitar Kuala Lumpur dan pelaksanaan sistem zon bukan bertujuan mengurangkan masalah kesesakan di sekitar bandar raya.

Beliau berkata ia dilakukan berikutan kenaikan harga minyak, kos alat ganti bas, chassis dan tayar yang mencecah sehingga 32 peratus.

"Sudah tentu ini akan menyebabkan sedikit beban kepada pengguna tetapi jika tidak dinaikkan, pengusaha mungkin terpaksa memberhentikan operasi mereka," katanya.

Katanya, walaupun kadar tambang itu telah dinaikkan, pengusaha telah diberi peringatan dan nasihat untuk memberikan mutu perkhidmatan yang lebih baik.

"Berdasarkan surat-surat kepada editor di surat khabar tempatan, kita dapati pengguna sebenarnya boleh membayar tetapi mereka mahukan mutu perkhidmatan yang lebih baik, rata-rata saya tengok aduan adalah terhadap perkhidmatan yang tidak memuaskan," katanya.

Sementara itu ketika perbahasan, Madius Tangau (BN-Tuaran) meminta penjelasan mengenai kriteria untuk memohon lesen bagi kontraktor di Sabah yang ingin mendapatkan lesen di bawah Pusat Khidmat Kontraktor (PKK).

Madius berkata ini kerana ramai kontraktor di Sabah tidak mendapat projek yang dijalankan oleh Kerajaan Persekutuan.

Dewan Rakyat bersidang lagi esok.

-- BERNAMA  
SLR SSA MNY NMO